



12 APR, 2021

## Sasar jualan dalam talian mangga dari Perlis lebih 50 peratus

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

## Sasar jualan dalam talian mangga dari Perlis lebih 50 peratus

**Padang Besar:** Kerajaan meletak sasaran lebih 50 peratus jualan mangga harumanis dari Perlis dapat dijual melalui platform e-dagang atau dalam talian, tahun ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata ia bagi mengelak wujud lambakan seperti yang berlaku tahun lalu berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan penularan COVID-19.

"Tahun ini, kita menjalankan promosi jualan mangga harumanis dari Perlis secara agresif kerana tidak mahu isu lambakan berulang hingga menyebabkan kerugian kepada pengusaha.

"Kita tetap menggunakan platform e-dagang atau jualan dalam talian dan tahun ini, kita menasarkan lebih 50 peratus mangga harumanis dapat dijual menerusi platform ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis pelancaran Harumanis Perlis Kembali Lagi dan Jualan Dalam Talian di Jabatan Pertanian Perlis, Bukit Temiang, Beseri, semalam.

Ronald berkata, pelaksanaan PKP bukan hanya menjelaskan penawaran mangga harumanis, tetapi beberapa buah-buahan dan sayur-sayuran turut berdepan lambakan berikutan larangan merentas daerah dan negeri.

"Kita berjaya melaksanakan langkah proaktif dengan berkolaborasi bersama syarikat kurier bagi memastikan mangga harumanis ini dapat sampai kepada pembelinya mengikut masa.

"Penjualan harumanis di Perlis adalah perniagaan yang besar kepada pengusaha dan tahun ini kita menjangkakan pengeluaran mampu mencapai 3,336 tan dengan nilai pengeluaran dianggar RM66.7 juta," katanya.

Beliau berkata, Jabatan Pertanian Negeri Perlis tampil bersedia bekerjasama dengan syarikat pos dan kurier seperti Pos Malaysia, CityLink dan Line Clear dalam memastikan penghantaran tahun ini berjalan lancar.

Terdahulu, Ronald meluangkan masa melakukan tinjauan mesra di Ladang Kelompok Mangga Harumanis Kampung Tanah Pasir, Beseri di sini.

Musim mangga harumanis di Perlis secara rasminya bermula hari ini sehingga 30 Jun ini.

Pada masa sama, sejumlah 111 ladang harumanis di Perlis mendapat pensijilan Amalan Pertanian Baik (myGAP) dan pihak Jabatan Pertanian Negeri Perlis meletak sasaran 84 lagi ladang memperoleh pengiktirafan pensijilan MyGAP.



12 APR, 2021

## Sasar jualan dalam talian mangga dari Perlis lebih 50 peratus

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Padang Besar: Kerajaan meletak sasaran lebih 50 peratus jualan mangga harumanis dari Perlis dapat dijual melalui platform e-dagang atau dalam talian, tahun ini. Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata ia bagi mengelak wujud lambakan seperti yang berlaku tahun lalu berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan penularan COVID-19.